

# SSPN: Purata menabung kurang RM100

Oleh ALI MAHMOOD

PEKAN 7 Okt. - Purata pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) hanya menabung kurang daripada RM100 sejak skim itu dilancarkan pada Ogos 2004, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sehingga kini seramai 53,000 orang telah menabung membabitkan jumlah RM15 juta di dalam skim itu, namun purata tabungan bagi kebanyakan individu adalah kurang daripada RM100.

Sehubungan itu kata beliau, sudah sampai masanya kesedaran diwujudkan dalam kalangan rakyat untuk menanggung bersama kerajaan bagi pembiayaan pembelajaran anak mereka.

Katanya, pada masa ini umum melihat usaha untuk membiayai pendidikan adalah tanggungjawab kerajaan sepenuhnya.

"Kita tidak mahu masalah pembiayaan pembelajaran menjadi satu kekangan untuk anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Jika ini timbul (masalah pembiayaan), bagaimana kita nak meneruskan pengajian anak-anak, tak kan nak mencari Ah long (ceti haram) yang sudah tentu akan menimbulkan banyak masalah kemudian hari.

"Kita tidak sedar bahawa kalau kita menabung sekurang-kurangnya RM20 sebulan, ditambah dengan dividen dan geran sepadan yang akan diberikan, maka akhirnya ia akan menjadi satu dana yang besar," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pelancaran dan promosi SSPN Peringkat Parlimen Pekan di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi

**Kita tidak mahu masalah pembiayaan pembelajaran menjadi satu kekangan untuk anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi**

**- Najib Tun Razak**

Perbadanan Tabling Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Razali Ismail.

Najib berkata, setakat ini, hanya 245 pendeposit di kawasan Parlimen Pekan menyertai skim itu dan promosi berkenaan di harap akan meningkatkan jumlah pendeposit.

Beliau berkata, kerajaan sebelum ini melakukan reformasi pendidikan dengan mewujudkan SSPN melalui PTPTN dalam usaha menghapuskan masalah pembiayaan sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Pada waktu skim ini dilancarkan, kerajaan menyasarkan untuk menjadi sebuah negara maju, jadi bertitik tolak daripada itu, kita meneliti peratusan pelajar di negara-negara maju seperti Amerika dan Jepun.

"Kita dapati bahawa di negara-negara maju, sekurang-kurangnya 40 peratus daripada pelajar berumur 17 hingga 23 tahun berada di peringkat institusi pengajian tinggi," katanya.

Katanya, pada masa skim berkenaan dilancarkan, peratusan pelajar di negara ini

yang menyambung pengajian di peringkat tinggi hanya sebanyak 14 peratus, namun sehingga kini ia telah meningkat kepada 28 peratus.

Beliau berkata, oleh itu, jurang 12 peratus lagi, perlu dipenuhi sebelum Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab dan ingin melihat kejayaan anak-anak dalam bidang pendidikan, mereka perlu membuat tabungan awal di mana

sedikit demi sedikit akhirnya akan menjadi dana yang besar.

Sementara itu, Najib berkata, Kabinet telah memberikan kelulusan untuk menaik taraf Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) kepada Universiti Malaysia Pahang.

Katanya, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi pembinaan kampus tetap Universiti berkenaan di Kuala Pahang di sini.